



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	11/8/2012

Rohingya mesti dibantu

BH-11/8/2012

» Semua negara Islam digesa selamat mangsa keganasan di Myanmar

Oleh Norakmah Mat Youb
norakmah@bharian.com.my

► Kuala Lumpur

Tun Dr Mahathir Mohamad menggesa semua negara Islam membantu menyelamatkan pelarian Rohingya yang menjadi mangsa keganasan etnik secara berterusan di Myanmar.

Bekas Perdana Menteri itu berkata, usaha daripada Malaysia semata-mata tidak akan mampu menamatkan kesengsaraan etnik terbabit.

"Sekiranya seluruh umat Islam membantu, saya yakin Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) akan mengambil tindakan untuk menyelamatkan mereka," katanya pada sidang media selepas majlis penyerahan simbolik 500,000 botol air mineral melalui program 'Waqaf Water4Gaza' di sini, semalam.

Beliau mengulas mengenai lebih 80 etnik itu dilaporkan terbunuh dalam keganasan kaum di Rakhine, bulan lalu berikutan diskriminasi dan pelanggaran hak asasi manusia serius oleh majoriti penganut Buddha di wilayah berkenaan.

Sehubungan itu, Dr Mahathir yang juga Presiden Yayasan Keamanan Global Per-



Dr Mahathir menyerahkan simbolik 500,000 botol air mineral melalui program 'Waqaf Water4Gaza' kepada Imam Besar Gaza, Sheikh Omar M A Fora di Putrajaya, semalam. Turut sama, Pengerusi 'Perdana Global Peace Foundation', Tan Sri Norian Mai (kanan) dan Imam Muda Gaza, Sheikh Salman M Z Al-Soudi.

[FOTO YAZIT RAZALI/BH]

dana (PGPF) sudah menghantar surat kepada aktivis hak asasi manusia di Myanmar, Aung San Suu Kyi supaya segera campur tangan menanganis isu itu.

"Saya sudah menghantar surat kepada Suu Kyi lima hari lalu supaya segera campur tangan. Beliau mempunyai pengaruh dan berharap dapat menyelesaikan masa-

lah itu," katanya.

Berhak minta kerakyatan

Dalam perkembangan lain, Dr Mahathir berpendapat penubuhan Suruhanjaya Diraja menyiasat isu pendedag di Sabah tidak menyelesaikan masalah berkenaan.

"Mereka berhak minta kerakyatan, bagaimanapun ter- pulang kepada kerajaan sama-

ada meluluskannya atau tidak. Kita tidak bawa, mereka datang sendiri kerana mungkin berpendapat Sabah lebih selamat," katanya.

Mengenai tindakan pembangkang menggunakan dua tema bagi sambutan kemerdekaan, beliau berkata, ia menunjukkan pembangkang sendiri keliru dan terpulang kepada kerajaan untuk menentukan tema.